

Menggunakan Manual Kod Visa Kesatuan Eropah (EU) yang Dikemaskini untuk Melindungi Pembela Hak Asasi Manusia dengan Lebih Baik

Pengenalan

Komitmen Kesatuan Eropah dalam Melindungi Pembela Hak Asasi Manusia: Konsensus Selama 20 Tahun

Kesatuan Eropah dan negara anggotanya telah bernekad untuk melindungi pembela hak asasi manusia selama lebih 20 tahun. Kesatuan Eropah and negara anggotanya menyokong mereka dengan melawat mereka yang ditahan, memantau perbicaraan, mengiktiraf kerja mereka, membangkitkan kes mereka dalam dialog, dan memberikan bantuan kecemasan melalui ProtectDefenders.eu. Banyak pembela hak asasi manusia juga memerlukan pemindahan ke negara lain, dan negara-**negara EU memainkan peranan penting dalam menawarkan visa kepada mereka yang di dalam bahaya and berisiko.**

Apakah itu Buku Panduan Visa Kesatuan Eropah (EU Visa Handbook)?

Buku Panduan Visa Kesatuan Eropah memberikan garis panduan untuk kakitangan konsular mengenai pemrosesan permohonan visa jangka pendek (Schengen). Ia berdasarkan peraturan bersama Kesatuan Eropah untuk visa dan kawalan sempadan, yang lebih dikenali sebagai Kod Visa dan Kod Sempadan Schengen untuk tempoh tinggal sehingga **90 hari.**

Walaupun Kod Visa ini tidak mempunyai kategori khusus untuk pembela hak asasi manusia, kemas kini terbaru pada **Jun 2024** memperkenalkan garis panduan untuk menangani keperluan mereka dengan lebih baik. Visa jangka panjang dan permit kediaman kekal menjadi tanggungjawab negara anggota Kesatuan Eropah secara individu.

Mengapa kemas kini ini penting bagi pembela hak asasi manusia yang berisiko?

Visa adalah alat penting untuk perlindungan dan pemberdayaan. Dengan memahami garis panduan baru ini, anda boleh menavigasi proses permohonan visa dengan lebih berkesan, terutamanya apabila berdepan dengan ancaman segera. Membiasakan diri dengan peruntukan ini akan membantu anda memperjuangkan hak anda dan meneruskan kerja penting anda dengan selamat.

Untuk sokongan yang lebih peribadi, **pertimbangkan untuk menghubungi pakar undang-undang atau organisasi hak asasi manusia yang memahami prosedur visa Kesatuan Eropah.**

Kemaskini Utama kepada Buku Panduan Kod Visa Kesatuan Eropah: Manfaat kepada Pembela Hak Asasi Manusia

1. Fleksibiliti untuk Bukan Penduduk

Biasanya, konsulat memproses permohonan visa hanya untuk orang yang tinggal di kawasan mereka. Walau bagaimanapun, pembela boleh memohon dari lokasi yang berbeza jika mereka tidak boleh kembali ke negara asal mereka kerana negara asal mereka tidak selamat. Ini adalah penting untuk pembela yang perlu tinggal di luar negara mereka kerana ancaman segera atau keadaan yang sukar. (*Article 6 Visa Code & p. 29 Visa Handbook*).

2. Memohon di Konsulat Kesatuan Eropah Lain

Jika berbahaya untuk memohon visa di negara asal anda, pembela dibenarkan memohon di konsulat di negara Kesatuan Eropah lain. Ini memberi anda pilihan yang lebih selamat apabila keadaan di tempat anda menjadi terlalu berisiko. (*Article 7 Visa Code & p. 31-32 Visa Handbook*)

3. Permohonan Visa Kecemasan

Penghantaran permohonan visa biasanya perlu dihantar 15 hari lebih awal, tetapi konsulat digalakkan untuk mempercepatkan proses bagi pembela yang menghadapi ancaman tiba-tiba. Ini termasuk situasi yang melibatkan bahaya segera atau apabila anda perlu menghadiri acara advokasi yang mendesak. (*Article 9 Visa Code & p. 33 Visa Handbook*)

4. Keutamaan pemprosesan untuk pembela yang Berisiko Tinggi

Konsulat boleh menyediakan prosedur laluan pantas untuk pembela yang berada dalam situasi berisiko. Ini amat membantu semasa masa sensitif, seperti sebelum pilihan raya atau semasa menjalankan kempen hak asasi manusia supaya anda dapat memperoleh visa dengan cepat apabila diperlukan. (*Article 9 Visa Code & p. 35 Visa Handbook*)

5. Bayaran Visa Dikurangkan atau Dikecualikan untuk pembela

Bayaran visa boleh dikurangkan atau dikecualikan untuk pembela, mengiktiraf kepentingan kerja anda. Ini dapat membantu mengurangkan halangan kewangan apabila anda perlu melakukan perjalanan untuk advokasi, kursus, atau kecemasan.. (*Article 16 Visa Code & p. 45 Visa Handbook*)

6. Permudahkan proses untuk pembela yang telah diiktiraf

Jika anda dikenali sebagai pembela yang boleh dipercayai atau diiktiraf oleh pihak ketiga yang dipercayai, anda boleh dianggap sebagai pemohon 'bona fide' (benar). Ini boleh mempermudah proses visa, kerana anda mungkin tidak perlu menyediakan banyak dokumen, seperti bukti dana atau penginapan, menjadikannya lebih mudah dan cepat untuk mendapatkan visa. (*Article 14 Visa Code & p. 61 Visa Handbook*)

Kemaskini Utama kepada Buku Panduan Kod Visa Kesatuan Eropah: Manfaat kepada Pembela Hak Asasi Manusia

7. Penilaian Adil terhadap risiko melebihi tempoh visa atau tinggal lebih masa

Apabila konsulat menilai risiko seseorang melebihi tempoh visa atau tinggal lebih masa, mereka harus mempertimbangkan maklumat daripada organisasi hak asasi manusia yang dihormati. Ini memastikan pembela dilayan dengan adil, dengan mengambil kira keadaan khas pekerjaan mereka dan komitmen mereka untuk pulang ke negara asal apabila keadaan selamat. (Article 21 Visa Code & p. 77 Visa Handbook)

8. Visa Masuk Berganda untuk Kerja Berterusan

Jika anda disokong oleh organisasi yang dipercayai, anda mungkin layak untuk visa masuk berganda tanpa perlu melalui sistem kaskade. Sistem kaskade biasanya memberikan visa ini berdasarkan penggunaan sah visa masuk tunggal sebelum ini. Visa masuk berganda sangat berguna untuk pembela hak asasi manusia, kerana ia membolehkan anda mengembara masuk dan keluar dari Kesatuan Eropah berulang kali, memudahkan anda untuk menghadiri mesyuarat antarabangsa, terlibat dalam advokasi, atau bertindak balas dengan cepat terhadap situasi kecemasan. (Article 24 Visa Code & p. 88 Visa Handbook)

9. Visa Kebervalidan Teritorial Terhad (LTV) untuk Perjalanan Kemanusiaan Segera

Visa LTV boleh dikeluarkan kepada pembela yang tidak memenuhi semua syarat standard tetapi perlu melakukan perjalanan segera untuk kerja hak asasi manusia. Visa ini membolehkan anda mengembara ke negara-negara Kesatuan Eropah tertentu, memberikan fleksibiliti apabila anda menghadapi penganiayaan atau ancaman di negara asal. (Article 25 Visa Code & p. 91 Visa Handbook)

10. Keputusan Visa dipercepatkan

Konsulat biasanya memerlukan sehingga 15 hari untuk membuat keputusan mengenai visa, tetapi pembela dalam situasi kecemasan harus diberi keutamaan. Ini memastikan permohonan visa anda diproses dengan cepat, terutamanya apabila anda menghadapi risiko segera atau perlu menghadiri acara penting. (Article 23 Visa Code & p. 80 Visa Handbook).

11. Permohonan Visa Di Sempadan Saat Akhir

Dalam kes luar biasa, seperti ancaman mendadak, pembela yang tidak dapat membuat permohonan lebih awal boleh memohon visa di sempadan Kesatuan Eropah. Ini adalah pilihan penting untuk perlindungan segera apabila anda tiada masa untuk melalui prosedur biasa. (Article 35 Visa Code and p. 139-140 Visa Handbook)

12. Memperpanjangkan Visa untuk pembela

Jika anda perlu tinggal lebih lama akibat bahaya yang tidak dijangka, seperti ancaman selepas acara awam, visa anda boleh diperpanjangkan. Ini memastikan anda dapat berada dalam keadaan selamat di luar negara sementara situasi di negara asal anda beransur pulih (Article 33 Visa Code and p. 146 Visa Handbook)

Bagaimana Cara Menggunakan Nota Panduan Ini?

- **Perkukuhkan permohonan visa anda:** Sertakan cadangan daripada nota panduan ini untuk menyediakan dokumentasi yang jelas dan kukuh dalam permohonan visa anda, sekaligus meningkatkan peluang kejayaan anda.
- **Perjuangkan kes visa anda:** Gunakan nota panduan ini untuk meminta pertimbangan yang adil dan segera bagi permohonan visa anda, dengan merujuk kepada prinsip dan prosedur yang dinyatakan di dalamnya.
- **Perkukuhkan kapasiti rayuan anda:** Jika permohonan visa anda ditolak, rujuk dokumen ini untuk memperkukuhkan rayuan anda dengan menekankan perlindungan khusus untuk Pembela Hak Asasi Manusia (HRD) seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Kod Visa EU.
- **Gunakan sebagai rujukan:** Jadikan nota panduan ini sebagai rujukan yang sah dalam perbincangan dengan pihak konsular atau badan antarabangsa untuk memperjuangkan pelaksanaan amalan visa yang lebih peka terhadap keperluan HRD.
- **Latih pihak berkuasa konsular EU dan Negara Anggota EU di negara anda:** Galakkan pembinaan kapasiti di peringkat tempatan dengan menggunakan nota ini untuk melatih pegawai konsular dan pihak berkuasa berkaitan mengenai keperluan dan hak khusus HRD yang memohon visa.
- **Nasihat rakan HRD dan komuniti:** Kongsikan nota panduan ini dengan rakan sekerja anda, menawarkan nasihat praktikal dan memperkasakan mereka untuk menghadapi proses visa dengan lebih berkesan.
- **Tingkatkan kesedaran:** Gunakan nota panduan ini dalam kempen awam atau inisiatif advokasi untuk mengetengahkan kepentingan prosedur visa yang fleksibel untuk HRD yang berada dalam risiko.
- **Libatkan diri dalam solidariti dan jaringan antarabangsa:** Sebarkan nota panduan ini kepada rakan kerjasama, rangkaian, dan organisasi untuk meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh HRD serta membina sokongan bersama.
- **Pantau pelaksanaan:** Gunakan nota ini untuk menjejaki dan mendokumentasikan bagaimana pihak berkuasa konsular melaksanakan prosedur visa mesra HRD, serta mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan.

Sumber

EU Visa Code Handbook, June 26, 2024:

https://home-affairs.ec.europa.eu/document/download/1d79f44d-49ba-4847-951e-129f924b1051_en

ProtectDefenders.eu Visa for Defenders: International Civil Society Organisations call for an effective and enabling EU Visa Framework for at-risk Human Rights Defenders:

<https://protectdefenders.eu/wp-content/uploads/2022/09/Update-112023-Joint-Statement-ProtectDefenders.eu-Visa-for-HRDs.pdf>

Updates to the EU Visa Code Handbook: encouraging news for human rights Defenders, July 2, 2024, UN Special Rapporteur on HRDs:

<https://srdefenders.org/resource/updates-to-the-eu-visa-code-handbook-encouraging-news-for-human-rights-defenders/>

Mengenai ProtectDefenders.eu

ProtectDefenders.eu adalah mekanisme Kesatuan Eropah untuk Pembela Hak Asasi Manusia, yang ditubuhkan untuk melindungi pembela hak asasi manusia yang berisiko tinggi dan menyokong kerja mereka dalam situasi yang paling sukar di seluruh dunia. Ia dikendalikan oleh Konsortium yang terdiri daripada 12 NGO yang aktif dalam bidang Hak Asasi Manusia. Sejak dilancarkan, ProtectDefenders.eu memberikan sokongan kepada lebih daripada 10,000 pembela hak asasi manusia dan organisasi setiap tahun.

Ketahui Lebih Lanjut dan Hubungi Kami

Ketahui lebih lanjut mengenai program pembiayaan kami untuk pembela hak asasi manusia, organisasi akar umbi, dan komuniti di laman web kami.

Anda boleh menghubungi kami melalui borang yang selamat atau melalui emel. contact@protectdefenders.eu.



This project is funded by
the European Union

Penerbitan ini telah dihasilkan dengan bantuan Kesatuan Eropah. Kandungan penerbitan ini adalah tanggungjawab sepenuhnya ProtectDefenders.eu dan tidak boleh dianggap mencerminkan pandangan Kesatuan Eropah.n.